

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}

PERINTAH PERIKANAN (PINDAAN), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 31 dari S 13/2010
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERIKANAN (PINDAAN), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perikanan (Pindaan), 2020.

Pindaan bab 31 dari S 13/2010

2. Bab 31 dari Perintah Perikanan, 2009 adalah dipinda —

(a) dalam ceraian {1} —

(i) dalam perenggan *(b)* —

(A) dengan memotong “membawa atau ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya” dari baris pertama dan mengantikannya dengan “didapati memiliki”;

(B) dengan memotong “atau” dari baris akhir;

(ii) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan *(b)* perenggan baru yang berikut —

“*(ba)* didapati memiliki ikan yang telah ditangkap dengan menggunakan apa-apa bahan letupan atau beracun dan yang tidak memberi keterangan yang memuaskan tentang bagaimana dia mula memiliki; atau”;

(iii) dalam perenggan *(c)*, dengan memotong “atau menerima, mana-mana” dari baris pertama;

(b) dalam ceraian {2}, dengan memotong “atau di bawah kawalan” dari baris ketiga.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Sya'aban, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 4 haribulan April, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**